

**Date and Time:** Monday, 17 April 2023 11:44:00AM MYT

**Job Number:** 195049421

## Document (1)

1. [Md Noor bin Haron Iwn Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja \[2021\] MLJU 3107](#)

**Client/Matter:** -None-

**Search Terms:** [2021] MLJU 3107

**Search Type:** Natural Language

**Narrowed by:**

**Content Type**  
MY Cases

**Narrowed by**  
-None-

# MD NOOR BIN HARON v LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

[CaseAnalysis](#)

[2021] MLJU 3107

## [Md Noor bin Haron Iwn Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja \[2021\] MLJU 3107](#)

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

AZIMAH OMAR H

GUAM AN NO WA-12ANCvC-21-01 TAHUN 2021

17 September 2021

*Ong Kim Hong (Balbir Singh bersamanya) (KY Thong & Co) bagi pihak perayu.  
Nabilla bt Rosli (Azrul Afifi & Azuan) bagi pihak responden.*

### Azimah Omar H:

ALASAN PENGHAKIMAN

#### (Rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen)

##### A. PENGENALAN

[1] Perayu dalam rayuan ini merupakan Defendan Kedua dalam tindakan yang difailkan oleh Plaintiff di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Pada **30.12.2020**, Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) telah menolak permohonan Perayu untuk mengetepikan Penghakiman Ingkar Kehadiran bertarikh **3.12.2019** ("**Kandungan 7**") dengan kos.

[2] Perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan HMS telah memfailkan notis rayuannya di Mahkamah ini pada **8.1.2021** bagi merayu terhadap keseiuruhan keputusan HMS tersebut.

[3] Mahkamah ini telah menolak rayuan Perayu pada **17.9.2021** dengan kos sebanyak RM5,000.00 tertakluk kepada alokatur.

[4] Pada **9.3.2022**, Mahkamah Rayuan telah memberikan Perayu kebenaran untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah ini yang diberikan pada **17.9.2021** dan Perayu telah memfailkan Notis Rayuannya pada **17.3.2022**.

##### B. LATAR BELAKANG KES

[5] Bagi kemudahan rujukan, pihak-pihak akan dirujuk sebagaimana kedudukan mereka di hadapan HMS.

[6] Tindakan Plaintiff (**Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-KWSP**) dalam tindakan yang difailkan di Mahkamah Sesyen adalah berhubung kegagalan pembayaran caruman KWSP oleh majikan.

[7] Pada 12.9.2019 Plaintiff telah memfailkan Writ dan Pernyataan Tuntutannya terhadap Defendan-defendan yang merupakan syarikat dan pengarah-pengarahnya atas kegagalan membayar caruman bulanan bagi pekerja-pekerjanya kepada Plaintiff.

[8] Berdasarkan rekod Plaintiff terdapat tunggakan caruman KWSP berjumlah RM138,104.00 yang tidak dibayar oleh Defendan-defendan.

[9]Afidavit Penyampaian telah difailkan oleh Plaintiff pada 2.10.2019 dan Perakuan Ketidakhadiran telah difailkan pada 3.12.2019.

[10]Atas kegagalan Defendan-defendan memasukkan kehadiran mereka, Penghakiman Ingkar telah dimasukkan terhadap kesemua Defendan pada 3.12.2019.

[11]Atas Penghakiman Ingkar tersebut, pada 13.11.2020 Perayu yang merupakan Defendan Kedua (Defendan) telah memfailkan dalam Kandungan 7 untuk perintah-perintah penggantungan dan pengeneopian Penghakiman Ingkar tersebut.

#### C. PRINSIP UNDANG-UNDANG BERHUBUNG PERMOHONAN UNTUK MENGENEPIKAN PENGHAKIMAN INGGAR

[12]Sebelum Mahkamah ini mempertimbangkan rayuan Defendan / Perayu, molek kiranya dinyatakan dengan ringkas di sini mengenai prinsip undang-undang berhubung permohonan untuk mengenepikan penghakiman ingkar.

[13]Di dalam kes *Hasil Bumi Perumahan Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Bhd* [\[1994\] 1 MLJ 312](#), Mahkamah Persekutuan telah menyatakan di muka surat 321 seperti berikut:

**“A scrutiny of the case of *Evans v Bartlam* would show that different Law Lords used different terms but they all seemed to agree that for the defendant to succeed in his application to set aside a default judgment, he must show that the defence had merits that ought to be tried by the court. In other words, in popular language, the defence was not a sham defence. Lord Atkin was of the view that it was sufficient for the defendant to file an affidavit on merits, meaning that the applicant must produce to the court evidence that he had a prima facie defence (see p 480). Lord Wright, on the other hand, at p 489, was on the view that the primary consideration was whether the defendant had merits to which the court should pay heed, and, if the merits were shown, the court would not, a prima facie, desire to let a judgment pass, on which there had been no proper adjudication. If the defendant showed merits, then he clearly showed an issue which the court should try. Lord Russell of Killowen, on his part, reminded the courts not to fail to consider whether any useful purpose could be served by setting aside the judgment and that obviously, no useful purpose would be served if there were no possible defence to the action. In other words, the standard laid down by Lord Russell is not that much lower and that it is sufficient if the defendant can show he has a possible serious defence.**

In Malaysia, tendency of the courts hitherto is to follow the guidelines enunciated in the case of *Evans v Bartlam*, bearing in mind also that this is a House of Lords case while *Saudi Eagle's* case is the decision of a Court of Appeal. In Malaysia, we are not bound by the decision of the House of Lords but the courts always accept those authorities as persuasive authorities which may be followed. Indeed, this court has had occasion to consider the question whether a judgment in default should be set aside under [O 13 r 8](#) and did in fact approve and followed Lord Atkin's dictum. Thus, in *Fira Development Sdn Bhd v Goldwin Sdn Bhd*, Lee Hun Hoe CJ (Borneo) (as he then was) held that a defence on the merits meant merely raising only an arguable or triable issue, not unlike any [O 14](#) cases and that a judgment in default was not a judgment on the merits. In other words, it was decided in that case that a judgment in default may be set aside if the facts show a defence has merits. *Fira's* case was followed by Zakaria Yatim J in *PL Construction Sdn Bhd v Abdullah bin Said*. Again, VC George J in *East Asiatic Co (M) Bhd v Kamanis Sdn Bhd* used such expression as 'bona fide reasonable defence' to describe the standard of the defence that must be met for the applicant to succeed in setting aside a default judgment, although he cited no authority for his proposition, and it seemed to us the proposition was redolent of Lord Atkin's dictum. Consistent with the decision of our own courts in the past in dealing with issues such as those under [O 13 r 8](#) and [O 19 r 9](#), the guidelines in *Evans v Bartlam* should be accepted. In our view, in order to succeed in his application under these orders, the applicant must show that he has a defence which has some merits and which the court should try. To use common and plain language, the applicant must show that his defence is not a sham defence but one that is prima facie, raising serious issues as a bona fide reasonable defence that ought to be tried because obviously if the defence is a sham defence, there is no defence and the application must fail....”

[14]Di dalam kes *Lai Yoke Ngan v Chin Teck Kwee* [\[1997\] 2 MLJ 565](#) di muka surat 573, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan berikut:

**“The principle of setting aside a default judgment under [O.13 r.8](#) has been well established and needs no detailed**

repetition. What is important to observe is that a default judgment is not a judgment on the merits. Accordingly, when such judgment is obtained irregularly, such irregularity would be a sufficient ground by itself for setting it aside. But where the default judgment has been obtained regularly, in order to succeed, the defendant must file an affidavit of merits, ie the defendant must disclose by affidavit evidence that prima facie he has a defence on the merits. Put in another way, the affidavit must disclose that he has an arguable or triable issue on the merits (see *Evans v Bartlam* [1937] AC 473). The following judgment of Lee Hun Hoe C J in *Fira Development Sdn Bhd v Goldwin Sdn Bhd* [1989] 1 WILJ 40 at p 41 is also instructive:

Where judgment is entered on the failure of a defendant to take any of the procedural steps laid down under the Rules of the High Court 1980, the court has an absolute discretion to set aside the judgment, if necessary, on terms and allow the case to be heard on the merits. Lord Atkin stated clearly the principles in which the court should act in *Evans v Bartlam* [1937] AC 473 in these words:

‘...The principle obviously is that unless and until the court has pronounced a judgment upon the merits or by consent, it is to have the power to revoke the expression of its coercive power where that has only been obtained by a failure to follow any of the rules of procedure.’

In the instant case, the learned judge did not consider the judgment to be irregular. The Mahal’s Supreme Court Practice (2nd Ed) (Vol 1) at p 84 explains the position where the judgment is regular thus:

‘The discretion will only be exercised if the affidavit supporting the application to set aside discloses facts showing a defence on the merits; or for some very sufficient reason: *Bank Bumiputera Malaysia Bhd v Majlis Amanah Ra’ayat* [1979] 1 MLJ 23; *Farden v Richter* (1889) 25 QBD 124’

A defence on the merits means merely raising only an arguable or triable issue, eg contributory negligence in a running down case in *White v Weston* [1968] 2 QB 647. A judgment in default is not a judgment on the merits: *L Oppenheim & Co v Mahomed Haneef* [1922] 1 AC 482”.

[15]Berhubung dengan pembelaan bermerit, adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap dan jitu bahawa pembelaan yang bermerit bermaksud pembelaan-pembelaan yang dibangkitkan mendedahkan isu-isu yang perlu dipertikaikan dan wajar dibicarakan (lihat *PL Construction Sdn Bhd v Abdullah Said* [1998] 1 MLJ 60).

[16]Prinsip undang-undang berhubung penggunaan kuasa budi bicara Mahkamah untuk mengenyakan penghakiman ingkar yang diperolehi oleh Plaintiff dan membenarkan Defendan untuk memasukkan Penyataan Pembelaannya bagi menentang tuntutan Plaintiff adalah mantap dan jitu.

[17]Berdasarkan otoriti-otoriti di atas, pertimbangan pertama yang perlu dipertimbangkan dan ditekankan oleh Mahkamah ini dalam pelaksanaan kuasa budi bicaranya adalah sama ada penghakiman ingkar yang diperolehi oleh Plaintiff adalah suatu penghakiman ingkar yang teratur ataupun tidak.

[18]Adalah juga menjadi prinsip undang-undang yang mantap dan jitu bahawa suatu penghakiman ingkar yang tidak teratur boleh diketepikan oleh mahkamah *ex debito*. Namun, sekiranya penghakiman ingkar yang diperolehi oleh Plaintiff adalah suatu penghakiman yang teratur, maka bagi mengenyakan penghakiman sebegini, Defendan perlulah membuktikan kepada Mahkamah ini yang ia mempunyai pembelaan-pembelaan yang bermerit.

#### D. KANDUNGAN 7 DI HADAPAN HMS

[19]Dalam percubaan Defendan untuk mengenyakan Penghakiman Ingkar yang dimasukkan terhadapnya, di hadapan HMS Defendan telah membangkitkan bahawa Penghakiman Ingkar yang telah dimasukkan terhadapnya adalah suatu penghakiman yang tidak teratur dan suatu “nullity” atas alasan bahawa penyampaian Writ dan Pernyataan Tuntutan oleh Plaintiff terhadapnya adalah penyampaian yang tidak sempurna dan tidak teratur.

[20]Dalam membangkitkan sedemikian dalam Affidavit Sokongan kepada Kandungan 7, Defendan telah menyatakan berikut:

Md Noor bin Haron lwn Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja [2021] MLJU 3107

- (i) beliau tidak pernah diserahkan dengan Writ dan Pernyataan Tuntutan kerana beliau hanya mengetahui mengenai Penghakiman Ingkar tersebut apabila mendapati bahawa akaun banknya telah disekat atas pengiklanan Notis Kebankrapan No. BA-29NCC-2340-07/2020 di Mahkamah Tinggi Shah Alam.
- (ii) berdasarkan Afidavit Penyampaian Plaintif (Kandungan 4), Plaintif tidak melampirkan salinan kad AR yang ditandatangani bagi membuktikan bahawa Writ dan Pernyataan Tuntutan telah disampaikan oleh Plaintif kepadanya.
- (iii) alamat yang digunakan oleh Plaintif dalam pengindorsan Writ Saman dan penyerahan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan bukanlah alamat Defendan.

#### TENTANGAN PLAINTIF

[21]Writ Saman Dan Pernyataan Tuntutan telah disampaikan ke alamat **Lot 1965, Jalan Gajah Satu, Kg Kubu Gajah, 47000 Sungai Buloh Selangor (Alamat 1965)**. Alamat 1965 ini adalah merupakan alamat terakhir Defendan yang diketahui oleh Plaintif. Alamat 1965 ini telah diperolehi oleh Plaintif berdasarkan carian rasmi SSM bertarikh 15.8.2019 yang menunjukkan bahawa alamat Defendan yang merupakan Pengarah Anika Asas Sdn Bhd (Defendan Pertama dalam tindakan ini) adalah sepertimana Alamat 1965 tersebut.

[22]Tidak ada peruntukan undang-undang yang memerlukan Plaintif untuk membuat carian alamat terkini Defendan sebelum penyerahan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan dibuat ke atas Defendan. Dalam perkara ini, adalah memadai untuk Plaintif membuktikan penyampaian sempurna telah dibuat ke alamat-alamat Defendan melalui serahan Pos Berdaftar Akuan Terimaan (AR).

[23]Undang-undang hanya memerlukan Plaintif untuk membuktikan bahawa Defendan menerima Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan di mana serahan pos A.R Berdaftar adalah bukti prima facie serahan yang telah dibuat Plaintif.

[24]Dalam kes ini, Defendan hanya semata-mata membuat pengataan kosong yang beliau tidak menerima sebarang kertas kausa kerana tidak ada pengakuan terima telah beliau tandatangani.

[25]Menurut Plaintif lagi tuntutan Plaintif ini adalah terhadap syarikat dan pengarah-pengarahnya yang gagal membuat caruman bagi pekerja-pekerjanya. Apabila Plaintif mengeluarkan Notis Tuntutannya, pihak syarikat yakni Defendan Pertama telah mengemukakan cadangan penyelesaian melalui suratnya bertarikh 5.9.2019. Atas cadangan penyelesaian tersebut Jawatan Kuasa Rayuan Plaintif telahpun menimbangkan rayuan tersebut dan keputusan rayuan telahpun disampaikan melalui surat Plaintif bertarikh 2.10.2019. Defendan Pertama dan pengarah-pengarahnya telah mengemukakan cadangan penyelesaian kedua melalui surat bertarikh 1.10.2019. Keputusan rayuan telah disampaikan oleh Plaintif pada 11.10.2019.

[26]Berdasarkan rayuan-rayuan tersebut Defendan sebagai pengarah sememangnya telah mempunyai pengetahuan berhubung tuntutan Plaintif tersebut atas kegagalan pembayaran caruman bagi pekerja-pekerja syarikat oleh Defendan-defendan termasuklah Defendan sebagai majikan. Alasan Defendan yang kononnya tidak mengetahui akan tuntutan ataupun tindakan Plaintif yang dibangkitkan oleh Defendan adalah suatu yang *"afterthought"*.

#### E. KEPUTUSAN DAN DAPATAN HMS

[27]HMS telah menolak permohonan Defendan dalam Kandungan 7 tersebut dan telah membuat dapatan-dapatan berikut:

- (i) Berdasarkan prinsip undang-undang, Plaintif telah menyempurnakan penyampaian Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan kepada Defendan;
- (ii) Sebagai Pengarah, Defendan bertanggungjawab untuk memastikan rekod caruman ahli dan memaklumkan kepada KWSP jika ada pertukaran alamat;
- (iii) Tiada pembelaan bermerit dibentangkan oleh Defendan untuk membolehkan Mahkamah mempertimbangkan permohonan Defendan.

#### F. ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH

[28]Mahkamah ini perlu menekankan bahawa keputusan HMS yang telah menolak permohonan Defendan untuk mengeneipkan Penghakiman Ingkar telah dibuat pada tahun **2020 yakni pada 30.12.2020**.

[29]Notis Rayuan yang difailkan oleh Defendan / Perayu telah difailkan pada tahun 2021 yakni pada **8.1.2021** dan rayuan ini telah didengar dan diputuskan oleh Mahkamah pada **17.9.2021**.

[30]Di hadapan Mahkamah ini alasan utama yang telah dibangkitkan oleh Defendan/Perayu untuk mengeneipkan Penghakiman Ingkar yang diperolehi oleh Plaintiff adalah; Penghakiman Ingkar tersebut adalah suatu “nullity” atau suatu yang tak sah dan hendaklah diketepikan *ex debito justitiae* atas alasan bahawa penyerahan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff adalah tidak sempurna dan tidak sah kerana Plaintiff telah gagal mengemukakan bukti penyerahan atau penyampaian kerana Akuan Penerimaan Pos AR Berdaftar yang ditandatangani oleh Defendan telah tidak dikemukakan di Mahkamah.

[31]Untuk alasan tersebut peguam Defendan telah bergantung sepenuhnya atas keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Goh Teng Woon & Another v Ample Objectives Sdn Bhd* [2021] 1 LNS 203 yang telah diputuskan baru-baru ini.

[32]Dalam kes **Goh Teng Woon** Mahkamah Persekutuan di perenggan 43 telah memutuskan berikut:

“[43] For all the reasons aforementioned, our answer to the leave question is in the negative, that is to say, where service of a writ is alleged to have been effected by way of spending the same to a defendant by A.R. Registered post pursuant to [O.10 r.1\(1\)](#) of the *Rules of Court 2012*, the court cannot seal a judgment in default of appearance where the affidavit of service does not exhibit the A.R. Registered card containing an endorsement as to receipt by the defendant himself or someone authorized to accept service of the same on his behalf.”

[33]Walaupun Mahkamah ini akur akan keputusan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah ini adalah terikat dengannya, namun demikian sebelum Mahkamah membuat penentuan sama ada kes **Goh Teng Woon** boleh terpakai ke atas Defendan ini, Mahkamah akan terlebih dahulu menyatakan dengan ringkas prinsip-prinsip berhubung penyampaian Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan sepertimana yang diperuntukan di bawah KKM 2012 sebelum pemutusan Mahkamah Persekutuan dalam kes **Goh Teng Woon** tersebut.

[34]Aturan 10 Kaedah 1 KKM 2012 jelas memperuntukkan berikut:

“(1) Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis dan Kaedah-Kaedah ini, suatu writ hendaklah disampaikan secara kediri kepada setiap defendan atau dengan menghantarkannya kepada setiap defendan melalui pos berdaftar Akuan Terima yang dialamatkan ke alamat akhirnya yang diketahui atau secara komunikasi elektronik mengikut apa-apa arahan amalan yang dikeluarkan bagi maksud itu dan setakat yang dapat dilaksanakan, percubaan penyampaian yang pertama mestilah dibuat tidak lewat dari satu bulan dari tarikh writ itu dikeluarkan.

(2) Jika seorang peguam kepada defendan mengendorskan ke atas writ suatu pernyataan bahawa dia menerima penyampaian writ bagi pihak defendan itu, writ itu hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sempurnanya kepada defendan itu dan juga telah disampaikan pada tarikh yang pengendorsan itu dibuat

(3) Jika suatu writ tidak disampaikan dengan sempurnanya kepada defendan tetapi dia memasukkan kehadiran dalam tindakan yang dimulakan melalui writ, writ itu hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sempurnanya kepada defendan dan juga telah disampaikan pada tarikh yang dia memasukkan kehadiran itu.

(4) Jika suatu writ telah disampaikan dengan sempurnanya kepada defendan melainkan mengikut perenggan (2) atau (3), maka tertakluk kepada Aturan 11, kaedah 5, melainkan jika selepas penyampaian writ itu orang yang menyampaikan writ itu mengendorskan padanya butir-butir yang berikut, iaitu, hari dalam minggu dan tarikh ia disampaikan, di mana ia disampaikan, orang yang kepadanya ia disampaikan, dan, jika dia bukan defendan, atas kapasiti yang dia disampaikan, plaintiff dalam tindakan yang dimulakan dengan writ tidak berhak untuk memasukkan penghakiman muktamad atau interlokutori terhadap defendan kerana ingkar kehadiran atau ingkar membuat pembelaan, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.”

[35]Mahkamah Rayuan dalam kes *Sivamurthy Muniandy & Ors v Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja* [2012] 9 CLJ 598, di mana Syed Ahmad Helmy JCA menyatakan bahawa

“ .. The respondent effected service of the writ of summons on the last known address of the appellants as discerned from

*their address found in Form 49 filed with the Suruhanjaya Syarikat Malaysia. There is no evidence of any change of the appellant's addresses being brought to the attention of the respondent is in accordance with the provision of [O.10 r. 1\(1\)](#) of the Rules of the High Court 1980."*

**[36]**Berhubung penyampaian melalui Pos Berdaftar Aduan Terima, dalam kes *Yap Ke Huat & Ors v. Pembangunan Warisan Murni Sejahtera Sdn Bhd & Anor* [2008] 4 CLJ 175, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa -

*"There was no provision of law that the plaintiff must also prove that the person so named in the post had received the writ of summons and statement of claim. Once the writ of summons and statement of claim are sent by AR registered post it is prima facie proof of service unless the defendant is able to rebut this. From the facts, that presumption was not rebutted."*

**[37]**Dalam kes *Amanah Merchant Berhad v Lim Tow Choon* [1994] 2 CLJ 1, Mahkamah Agung pula telah memutuskan berikut:

*"Held: [1],..*

*[2]... It is not necessary that the appellant must show that the AR card has been duly acknowledged to constitute effective service of the notice of demand. It is sufficient for the appellant to show that the notice was correctly addressed, prepaid and delivered to the post office and acknowledged for service by the postal authority. Once these facts have been established, the deeming provision will inevitably apply. [3]..."*

**Terjemahan [2] dalam Bahasa Melayu**

*[2]... Adalah tidak perlu untuk perayu menunjukkan bahawa kad AT telah diakui penerimaannya dengan sempurna bagi membentuk penyampaian yang berkesan akan notis tuntutan. Adalah mencukupi bagi perayu untuk menunjukkan bahawa notis tersebut telah dialamatkan dengan betul, berbayar dahulu dan dihantarserah ke pejabat pos dan diakui untuk penyampaian oleh pihak pos..*

**[38]**Dalam kes ini sememangnya Plaintiff telah hanya mengemukakan resit pengeposan Pos Berdaftar Dalam Negeri untuk membuktikan bahawa Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan telah dihantar kepada Defendan kepada Alamat 1965 tersebut dan pada masa perbicaraan Kandungan 7 di hadapan HMS walaupun isu ketidakpengemukaan Aduan Penerimaan Pos AR Berdaftar yang telah dtandatangani oleh Defendan telah dibangkitkan oleh Defendan namun HMS berpandangan bahawa berdasarkan kepada kes **Yap Ke Huat**, penyerahan yang dibuat oleh Plaintiff adalah suatu penyampaian yang sempurna dan sah terhadap Defendan.

**[39]**Defendan telah menafikan penyerahan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan ke atasnya dengan menyatakan bahawa alamat **Lot 1965, Jalan Gajah Satu, Kg Kubu Gajah, 47000 Sungai Buloh Selangor** bukanlah lagi alamat beliau. Bagi membuktikan **Alamat 1965** bukanlah alamat beliau, Defendan telah mengemukakan **Eksibit "MN-1"** dan **Eksibit "MN-2"** salinan kad pengenalannya dan cabutan carian Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertarikh 27.8.2019 yang menunjukkan alamat beliau adalah **Lot 1955, Jalan Gajah Satu, Kg Kubu Gajah, 47000 Sungai Buloh Selangor** dan bukannya **Lot 1965, Jalan Gajah Satu, Kg Kubu Gajah, 47000 Sungai Buloh Selangor**.

**[40]**Defendan dengan itu telah menafikan penerimaan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan dan membangkitkan bahawa Plaintiff telah gagal mengemukakan Aduan Penerimaan Pos Berdaftar yang telah ditandatangani.

**[41]**Justeru Defendan telah meletakkan dirinya sama dengan kedudukan Perayu-Perayu (Perayu Pertama dan Perayu Kedua ) dalam kes **Goh Teng Woo** di mana perenggan [38] alasan penghakiman Mahkamah Persekutuan telah dinyatakan:

- (a) **The first appellant exhibited evidence that he was not residing at the address of service at the material time. His estranged brother had signed on the AR card and did not inform him of the same;**
- (b) **The second appellant admitted residing at the stated address but denied receiving the writ. No AR card was ever produced by the respondent in respect of the second appellant.**

**[42]**Pertama, Mahkamah ini perlu menyatakan bahawa keputusan yang dirayu ke Mahkamah ini adalah suatu keputusan yang telah diputuskan oleh HMS pada 2020 yakni sebelum kes **Goh Teng Woo** diputuskan. HMS telah membuat keputusan berdasarkan pengatahan-pengatahan dalam affidavit pihak-pihak dan prinsip undang-undang berhubung penyampaian melalui Pos Berdaftar Aduan Terima yang mana dalam kes **Yap Ke Huat**, Mahkamah

Rayuan telah memutuskan bahawa *“There was no provision of law that the plaintiff must also prove that the person so named in the post had received the writ of summons and statement of claim. Once the writ of summons and statement of claim are sent by AR registered post, it is prima facie proof of service unless the defendant is able to rebut this.*

[43]Maka pada masa pemutusan dibuat oleh HMS berhubung penyerahan sempurna Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan ke atas Defendan ianya adalah berdasarkan prinsip undang-undang yang terpakai pada masa keputusan Kandungan 7 dibuat oleh HMS pada tahun 2020 sebelum berbangkitnya keputusan **Goh Teng Woo**.

[44]Dalam hal yang sedemikian, pertamanya, Mahkamah ini berpandangan bahawa adalah tidak adil untuk Defendan mendapat manfaat keputusan **Goh Teng Woo** walhal pada masa pemutusan Kandungan 7 dibuat, HMS telah membuat keputusan berdasarkan pengataan-pengataan pihak-pihak dan berdasarkan prinsip undang-undang yang terpakai pada masa tersebut.

[45]Keduanya, kes Defendan ini perlu dibezakan dengan kes **Goh Teng Woo** kerana tindakan yang diambil oleh Plaintiff terhadap Defendan adalah tindakan oleh Kumpulan Wang Simapanan Pekerja (KWSP) yang menuntut terhadap syarikat dan pengarahnya atas kegagalan syarikat dan pengarah-pengarahnya yang gagal membayar caruman KWSP bagi pekerja-pekerjanya. Tindakan untuk kegagalan bayaran caruman KWSP pekerja adalah amat berbeza dengan tindakan Responden terhadap Perayu-Perayu dalam kes **Goh Teng Woo**.

[46]Dalam hal Defendan ini, Defendan sememangnya adalah salah seorang pengarah Anika Asas Sdn Bhd dan berdasarkan carian rasmi Plaintiff terhadap informasi korporat di SSM, alamat yang Defendan sebagai Pengarah syarikat yang tertera pada daftar SSM tersebut pada 15.8.2019 adalah Alamat 165.

[47]Dalam hal ini, Mahkamah sukacita merujuk sekali lagi kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes yang melibatkan tuntutan ketakbayaran caruman KWSP oleh syarikat dan pengarahnya yakni kes *Sivamurthy Muniandy & Ors v Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja* [2012] 9 CLJ 598, di mana Syed Ahmad Helmy JCA menyatakan bahawa-

*“...The respondent effected service of the writ of summons on the last known address of the appellants as discerned from their address found in Form 49 filed with the Suruhanjaya Syarikat Malaysia. There is no evidence of any change of the appellants' addresses being brought to the attention of the respondent is in accordance with the provision of O.10 r.1(1) of the Rules of the High Court 1980.” (Penekanan oleh Mahkamah ini)*

[48]Dalam kes Defendan tidak pada bila-bila masapun mengemukakan sebarang keterangan ke Mahkamah ini untuk menunjukkan bahawa Defendan telah memaklumkan kepada Plaintiff bahawa alamat yang terdapat pada SSM bukanlah alamat beliau.

[49]Di samping itu, berbeza dengan kes **Goh Teng Woo**, dalam kes ini apabila syarikat dan pengarah-pengarahnya gagal membayar caruman KWSP pekerja-pekerja, Plaintiff telah mengeluarkan Notis Tuntutan terhadap syarikat dan pengarah-pengarahnya. Apabila Plaintiff mengeluarkan Notis Tuntutannya pihak syarikat yakni Defendan Pertama telah mengemukakan cadangan penyelesaian melalui suratnya bertarikh 5.9.2019. Atas cadangan penyelesaian tersebut Jawatan Kuasa Rayuan Planitif telahpun menimbangkan rayuan tersebut dan keputusan rayuan telahpun disampaikan melalui surat Plaintiff bertarikh 2.10.2019. Defendan Pertama dan pengarah-pengarahnya telah mengemukakan cadangan penyelesaian kedua melalui surat bertarikh 1.10.2019. Keputusan rayuan telah disampaikan oleh Plaintiff pada 11.10.2019.

[50]Dengan hal yang sedemikian, berdasarkan rayuan-rayuan yang dibuat tersebut, Defendan sebagai pengarah sememangnya telah mempunyai pengetahuan berhubung tuntutan Plaintiff tersebut. Oleh itu, Mahkamah berpandangan yang sama dengan peguam Plaintiff bahawa alasan yang dibangkitkan oleh Defendan berhubung alamat yang salah dan tidak ada akuan penerimaan AR Pos Berdaftar tersebut adalah suatu yang *“afterthought”* dan Defendan telah cuba mendapatkan manfaat keputusan **Goh Teng Woo** apabila rayuan ini didengar.

[51]Atas alasan-alasan tersebut, adalah menjadi dapatan Mahkamah ini bahawa penghakiman ingkar yang diperolehi oleh Plaintiff adalah suatu penghakiman yang teratur.

[52]Tambahan lagi, berdasarkan penelitian Mahkamah ini ke atas Afidavit Sokongan Defendan untuk mengenyepikan Penghakiman Ingkar, Defendan tidak langsung membangkitkan sebarang pembelaan yang bermerit untuk menepis tuntutan Plaintiff.

[53] Dalam kes ini, Mahkamah bersetuju dengan peguam Plaintiff bahawa Defendan Pertama yakni syarikat telah tidak langsung mempertikaikan kebertanggungan mereka terhadap caruman pekerja-pekerjanya. Apa yang dilakukan adalah membuat cadangan-cadangan penyelesaian untuk dipertimbangkan Plaintiff.

[54] Bagi Mahkamah ini, Defendan sebenarnya gagal untuk membangkitkan sebarang pembelaan yang bermerit terhadap tuntutan Plaintiff.

[55] Berhubung bantahan awal yang telah dibangkitkan Plaintiff, Mahkamah ini berpandangan bahawa memandangkan Mahkamah ini telahpun mempertimbangkan merit-merit rayuan maka bantahan awal yang dikemukakan oleh Plaintiff berhubung kecacatan Rekod Rayuan di mana penyerahan Rekod Rayuan kepada Plaintiff yang dibuat oleh Defendan adalah di luar tempoh masa tidak lagi menjadi relevan dan tidaklah perlu diputuskan lagi.

[56] Berdasarkan alasan-alasan di atas, rayuan Perayu / Defendan adalah ditolak dengan kos sebanyak RM5,000.00 kepada Responden / Plaintiff tertakluk kepada alokatur.